

Tema 1 Suluh Masa Depan

Tema 2 Bersih Selalu, Sihat Sentiasa

Hal. Buku Teks: 1 – 26

PEMAHAMAN

Arahan: Jawab semua soalan dalam Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C.

Sudut Bahasa

- Kata pinjaman ialah kata yang dipinjam daripada satu bahasa lain lalu diterapkan dalam satu lagi bahasa.


BAHAGIAN A Sistem Bahasa dan Pemahaman

SP 2.1.2; 5.1.1; 5.1.2; 5.1.3, 5.1.4
5.2.1; 5.6.1

Soalan 1 – 4

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Murid-murid Tingkatan Tiga Cempaka sedang menjalankan _____ di dalam makmal sains.
A agenda C eksplorasi
B orkestra D eksperimen



Azman tidur _____ di atas katilnya kerana terlalu letih selepas pulang dari sekolahnya.

- A tertiarap C terhumban
B terlentang D tersembam

3. Athirah sentiasa berusaha untuk menguruskan masa dengan _____.
A seboleh-bolehnya
B sebaik-baiknya
C seelok-eloknya
D setidak-tidaknya

4.



Budak perempuan itu menangis _____ kerana perutnya sakit.

- A teresak-esak
B tersekat-sekat
C tergagap-gagap
D tersenguk-senguk

Soalan 5 – 6

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D. Pilih jawapan yang paling sesuai.

5. Pegawai kesihatan itu menyatakan bahawa masalah kemurungan yang _____ dihadapi _____ pada murid boleh mengganggu _____ pembelajaran mereka. _____
A B
C D

6. Walaupun Aznil orang kurang upaya,
A
namun beliau gigih belajar agar menjadi
B C
orang yang berjaya. Tiada kesalahan.
D

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

7. I Imran mencungkil batu-batu kecil yang terlekat pada tapak kasutnya.
II Pertandingan muzik itu diadakan untuk mencungkil bakat murid dalam bidang muzik.
III Ayah sedang mencungkil pintu bilik adik yang terkunci itu.
IV Doktor terpaksa mencungkil gigi Ahmad yang berlubang itu.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
8. I Ketua pengawas sekolah memikul tanggungjawab yang berat dalam menjaga disiplin murid.
II Ibu berat hati untuk melepaskan kakak yang akan melanjutkan pengajian di luar negara.
III Abang Kamal telah dimasukkan ke Hospital Putrajaya kerana sakit berat.
IV Iman yang berat tulang itu selalu membantu rakan dan gurunya di sekolah.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 9

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

9. Sebarang perubahan program itu akan dimaklumkan dari masa ke semasa.
A daripada masa ke masa
B daripada semasa ke semasa
C dari semasa ke semasa
D dari masa ke semasa

Soalan 10

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

10. Perlawanan bola sepak itu terpaksa ditangguhkan ekoran kejadian ribut dan hujan lebat.
A Kejadian ribut dan hujan lebat itu terpaksa ditangguhkan perlawanan bola sepak.
B Perlawanan bola sepak ketika kejadian ribut dan hujan lebat itu terpaksa ditangguhkan.
C Oleh sebab perlawanan bola sepak itu terpaksa ditangguhkan, berlaku kejadian ribut dan hujan lebat.
D Oleh sebab kejadian ribut dan hujan lebat, perlawanan bola sepak itu terpaksa ditangguhkan.

Soalan 11

Pilih ayat-ayat yang betul.

11. I Hubungan di antara Hana dan Hanisah sangat erat.
II Sungguhpun lemah dalam pelajaran, Ilman tidak pernah berputus asa dan sentiasa berusaha.
III Sekumpulan murid mengulang kaji di pondok bacaan sekolah.
IV Kita hendaklah makan makanan seimbang dan berkhasiat.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 12

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

12. Peribahasa yang berikut membawa maksud sesuatu kerja atau perkara yang dilakukan dengan bersungguh-sungguh, kecuali

- A alang-alang berminyak, biar licin.
- B berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.

- C genggam bara api biar sampai jadi arang.
- D alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan.

Baca bahan di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Soalan 13 – 16 berdasarkan bahan di bawah.

Akhirnya, setelah menjalankan kajian demi kajian, aku mula menemukan kebenaran tentang tapai ubi dan hubungannya dengan pencegahan kanser. Proses penapaian ubi akan menghasilkan sejenis bahan yang dikenali sebagai *bakteriosin*. Bahan ini dihasilkan oleh sejenis bakteria asid laktik yang dipencil atau diasingkan daripada tapai ubi atau nama saintifiknya *manihot esculanta*. Kalau kukatakan pada emak dan bapa nama saintifik tapai ubi itu pasti kedua-dua orang tua itu terlopong besar. Mereka hanya tahu membuat dan menjual tapai ubi, tidak lebih daripada itu.

Bagiku, apabila istilah kanser terdengar di gegandang telinga, aku terbayang akan kanser payudara yang menjadi topik hangat dunia perubatan sejak akhir-akhir ini. Sering sahaja aku mendengar atau terbaca akan bahaya penyakit ini. Ramai wanita yang menderita kerananya. Malah, ada juga orang lelaki yang menderita penyakit kanser payudara. Dengarnya seperti melucukan, akan tetapi itulah hakikatnya.

Andaian awal tentang keberkesanan tapai ubi dalam mencegah penyakit kanser mendesak aku untuk menelusuri segala-galanya tentang penyakit ini. Aku mula berminat dengan bahan-bahan bacaan tentang penyakit kanser. Tidak cukup dengan itu aku melayari laman-laman web untuk mengetahui kedudukan penyakit kanser dalam dunia perubatan. Minat dan tumpuanku kini tidak lain lagi, selain merealisasikan suatu penemuan yang besar, yang dinanti-nantikan selama ini.

Dipetik daripada cerpen 'Legasi Tapai Ubi',
antologi *Bintang Hati*, Tingkatan 3,
Kementerian Pendidikan Malaysia

13. Apakah kelebihan tapai ubi dalam dunia perubatan?

- A Tapai ubi menghasilkan bakteria.
- B Tapai ubi mencegah penyakit kanser.
- C Tapai ubi dapat memulihkan penyakit kanser.
- D Tapai ubi baik untuk kesihatan lelaki.

14. Yang berikut merupakan perwatakan "aku", **kecuali**

- A bijak.
- B gigih.
- C prihatin.
- D teliti.

"Aku" melayari laman-laman web untuk mengetahui kedudukan penyakit kanser dalam dunia perubatan.

15. Peribahasa yang paling sesuai untuk menggambarkan situasi di atas ialah

- A seperti tikus jatuh ke beras.
- B bagai melepaskan batuk di tangga.
- C melentur buluh biar dari rebungunya.
- D belum disuruh sudah pergi, belum dipanggil sudah datang.

16. Antara yang berikut, yang manakah **benar** tentang petikan cerpen di atas?

- A Ibu bapa "aku" mengusahakan tapai ubi.
- B "Aku" menghidap penyakit kanser.
- C Penyakit kanser hanya dihidapi oleh wanita sahaja.
- D "Aku" merupakan seorang pensyarah di pusat pengajian tinggi.